

30/08/1999

PIPS pelopor era pengajian agama, IT

ALOR STAR, Ahad - Pusat Ilmu Pulau Pisang (PIPS), di Kampung Pulau Pisang, Tunjang, Jitra yang tapaknya dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok dianggap sebagai permulaan era pengajian ilmu Islam yang digabungkan dengan teknologi maklumat (IT).

PIPS di kawasan seluas kira-kira 1.2 hektar itu didirikan dengan kos kira-kira RM580,000 diperlengkap kemudahan komputer yang membolehkan pelajar dan penduduk kampung terbabit mempelajari IT.

Pengerusi PIPS, Senator Datuk Ghazi Syeikh Ramli berkata, pusat itu didirikan dengan hasrat untuk membolehkan masyarakat Bumiputera luar bandar mempelajari IT, selain pusat pengajian ilmu fardu ain dan al-Quran untuk masyarakat dewasa di sekitar Kubang Pasu.

Ghazi yang dilahirkan di Kampung Pulau Pisang membina PIPS bukan sekadar untuk membolehkan masyarakat dewasa mengikuti kelas agama, malah menguasai bidang komputer, selain mengikuti forum hal-ehwal agama melalui persidangan video.

"Pelajar sekolah, lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan golongan dewasa boleh mengikuti program pengajian komputer yang dilengkapi dengan Internet.

"Idea untuk memajukan pusat ini diambil daripada kejayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC). PIPS akan dibantu ahli kumpulan penasihat yang terdiri daripada tujuh pengetua sekolah agama.

"Pembinaan PIPS adalah sebagai kesyukuran saya kepada Allah. Umat Islam harus memanfaatkan bidang IT sebagai alat untuk membantu dalam pengajian ilmu Islam," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau berkata, kos RM580,000 itu tidak termasuk kelengkapan komputer yang bakal dilengkapi di PIPS.

Menurutnya, pembinaan PIPS akan dimulakan secepat mungkin dengan segala kos ditanggung syarikatnya, AIMS Construction Sdn Bhd.

Berdasar aspek sejarah, kawasan berkenaan pada asalnya adalah Madrasah Ishaqiyah yang diasaskan keluarga moyangnya, Ishak Muhammad Hashim (1771-1871). Pengajian di sekolah pondok itu kemudiannya diperkukuh oleh cucu Ishak, Mohammad Salleh Hashim (1864-1944).

Hasil pimpinan Mohammad Salleh, sekolah pondok itu melahirkan tokoh politik dan nasionalis terkenal, Dr Burhanuddin Helmy, Tuan Guru Abdullah Abbas Nasution, Tuan Guru Ahmad Hutan Palas dan Tuan Guru Ahmad Janggut Langgar.

(END)